



جباتن قرانچن ايكونومي دان ستاتيسٲك

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
BRUNEI DARUSSALAM

BRUNEI DARUSSALAM

VITAL STATISTICS 2025

KATA PENGANTAR

Perangkaan Vital ialah penunjuk utama demografi yang merekodkan peristiwa penting dalam kehidupan seperti kelahiran hidup, kematian, perkahwinan dan perceraian, dalam kalangan penduduk. Statistik ini amat penting bagi memahami dinamik penduduk dan berfungsi sebagai input utama bagi perancangan dasar, strategi kesihatan awam, dan inisiatif pembangunan sosial. Ia memberikan gambaran mengenai corak dan perubahan penduduk dari semasa ke semasa.

Perangkaan Vital Negara Brunei Darussalam 2025 merupakan penerbitan tahunan yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES). Penerbitan ini mengandungi data siri masa bagi tempoh enam tahun mengenai peristiwa penting dalam kehidupan, yang dikumpul daripada rekod yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan. Kini dalam edisi ketiga puluh lima, penerbitan ini mengikuti metodologi yang diiktiraf antarabangsa, berasaskan *Principles and Recommendations for a Vital Statistics System, Revision 3* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (2014)*.

Penunjuk demografi utama seperti kadar kelahiran kasar, kadar kematian kasar, dan kadar kesuburan turut dimuatkan, yang dikira berdasarkan anggaran penduduk yang diterbitkan oleh Jabatan ini. Penunjuk-penunjuk ini memberikan gambaran yang berguna mengenai tahap kesihatan penduduk, corak sosial, dan keperluan pembangunan pada masa hadapan.

Maklumat dari Perangkaan Vital Negara Brunei Darussalam ini dihasratkan untuk terus menjadi rujukan utama bagi penggubal dasar, perancang, penyelidik, dan masyarakat umum, serta memastikan keputusan yang diambil berasaskan maklumat yang tepat di pelbagai sektor.

Jabatan ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kesihatan, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan atas kerjasama berterusan dalam menyediakan data yang tepat dan terkini. Maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan edisi akan datang adalah sentiasa dialu-alukan.

HEIDI FARAH SIA BINTI ABDUL RAHMAN

Pemangku Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Negara Brunei Darussalam

FOREWORD

Vital Statistics are fundamental demographic indicators that record key life events such as live births, deaths, marriages and divorces, within a population. These statistics are critical for understanding population dynamics and serve as a core input for policy planning, public health strategies, and social development initiatives. They offer a snapshot of population trends and transitions over time.

The Brunei Darussalam Vital Statistics 2025 is an annual publication produced by the Department of Economic Planning and Statistics (JPES). This publication presents time series data over a six-year period on vital events, compiled from records provided by relevant government agencies. Now in its thirty-fifth edition, the publication follows internationally recognized methodologies, drawing on the Principles and Recommendations for a Vital Statistics System, Revision 3 by the United Nations Statistics Division (2014).

Key demographic indicators such as the crude birth rate, crude death rate and fertility rate are also featured, calculated using population estimates published by the Department. These indicators provide valuable insight into population health, social trends, and future development needs.

The information presented in the Brunei Darussalam Vital Statistics is intended to continue serving as a key reference for policymakers, planners, researchers, and the general public, supporting evidence-based decision-making across various sectors.

We also wish to express our sincere appreciation to the Ministry of Health, State Judiciary Department, Attorney General's Chambers, and the Department of Immigration and National Registration for their continued support in providing timely and accurate data. Feedback and suggestions to improve future editions are always welcomed.

HEIDI FARAH SIA BINTI ABDUL RAHMAN

Acting Director General

Department of Economic Planning and Statistics

Brunei Darussalam

ISI KANDUNGAN CONTENTS

MUKA SURAT PAGES

RUMUSAN SUMMARY

1 - 7

JADUAL - JADUAL RUMUSAN SUMMARY TABLES

A	Kelahiran hidup mengikut Keterangan dan Tahun <i>Live births by Description and Year</i>	8 - 9
B	Kematian mengikut Keterangan dan Tahun <i>Deaths by Description and Year</i>	10 - 11
C	Perkahwinan mengikut Keterangan dan Tahun <i>Marriages by Description and Year</i>	12
D	Perceraian mengikut Keterangan dan Tahun <i>Divorces by Description and Year</i>	13

NOTA TEKNIKAL TECHNICAL NOTES

14 - 17

KONSEP DAN DEFINISI CONCEPTS AND DEFINITIONS

18 - 23



JADUAL – JADUAL LAMPIRAN APPENDIX TABLES

KELAHIRAN HIDUP <i>LIVE BIRTH</i>	24 - 45
KEMATIAN <i>DEATH</i>	46 - 66
PERKAHWINAN <i>MARRIAGES</i>	67 - 81
PERCERAIAN <i>DIVORCES</i>	82 - 87




VITAL STATISTICS 2025


Kelahiran Hidup Live Births




Mengikut Taraf Penduduk By Residential Status



Mengikut Bulan Pendaftaran By Month of Registration



Kadar Kesuburan Fertility Rate



Kadar Kelahiran Kasar Crude Birth Rate





2025: 11.8
2024: 11.8

kelahiran hidup bagi 1,000 penduduk
live births per 1,000 population




VITAL STATISTICS 2025


Kematian Deaths




Mengikut Kumpulan Umur By Age Group




Jangka Hayat Life Expectancy




Kadar Kematian Kasar Crude Death Rate



Kadar Kematian Anak Damit Infant Mortality Rate



5 Penyebab Utama Kematian Top 5 Causes of Death



- 1 Kanser
Cancer
- 2 Penyakit Jantung
Heart Diseases
- 3 Penyakit Serebrovaskular
Cerebrovascular Diseases
- 4 Kencing Manis Mellitus
Diabetes Mellitus
- 5 Septisemia
Septicaemia




VITAL STATISTICS 2025

Perkahwinan Marriages

Perkahwinan 2025
Marriages 2025

3,070 perkahwinan
marriages



Umur Penengah Mula-Mula Berkahwin Median Age at First Marriage

Lelaki
Male

2025: 27.6
2024: 27.6
tahun
years



Perempuan
Female

2025: 26.6
2024: 26.6
tahun
years


Kumpulan Umur Age Group

	Lelaki Male		Perempuan Female	
	2024	2025	2024	2025
Di bawah 15 Below 15	0	0	5	4
15-19	43	43	109	123
20-49	2,546	2,893	2,518	2,848
50 dan ke atas 50 and above	142	133	101	93
Tidak Dinyatakan Not Stated	2	1	0	2

Perceraian Divorces

Perceraian 2025
Divorces 2025

505 perceraian
divorces



Umur Penengah semasa Bercerai Median Age of Divorce

Lelaki
Male


2025: 39.2
2024: 37.8
tahun
years



Perempuan
Female

2025: 36.4
2024: 35.7
tahun
years

Tempoh Perkahwinan Duration of Marriages



RUMUSAN

Kelahiran Hidup

Jumlah kelahiran hidup bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025 adalah sebanyak 5,391 kelahiran berbanding dengan 5,359 kelahiran pada tahun 2024, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus. Jumlah kelahiran hidup ini terdiri daripada 2,783 kelahiran lelaki (51.6 peratus) dan 2,608 kelahiran perempuan (48.4 peratus). Terdapat seramai 106.7 kelahiran lelaki bagi setiap 100 kelahiran perempuan pada tahun 2025 berbanding dengan nisbah kelahiran sebanyak 106.0 pada tahun 2024.

Kadar kelahiran kasar pada tahun 2025 adalah sebanyak 11.8 kelahiran hidup bagi setiap 1,000 penduduk, sama seperti kadar yang dicatatkan pada tahun 2024.

Daripada jumlah keseluruhan kelahiran hidup, kira-kira 33.4 peratus atau 1,798 kelahiran merupakan kelahiran bagi kumpulan umur ibu 30-34 tahun. Ini diikuti oleh kumpulan umur ibu 25-29 tahun (27.0 peratus atau 1,457 kelahiran) dan 35-39 tahun (19.8 peratus atau 1,066 kelahiran).

Kadar Kesuburan

Kadar kesuburan bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun dicatatkan sebanyak 1.5 kelahiran pada tahun 2025, sama seperti yang dicatatkan pada tahun 2024. Kadar kesuburan ini berada di bawah paras penggantian global iaitu 2.1 kelahiran. Paras penggantian adalah garis teori di mana penduduk satu generasi mampu untuk menggantikan diri mereka bagi generasi seterusnya.

Kadar kesuburan bagi penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) adalah rendah daripada paras penggantian global dengan kadar sebanyak 1.6 kelahiran. Manakala, kadar kesuburan bagi Penduduk Sementara adalah pada kadar 0.6 kelahiran.

Kadar kesuburan bagi Negara Brunei Darussalam adalah selaras dengan negara maju seperti United Kingdom dan New Zealand. Antara negara yang mempunyai kadar kesuburan yang tertinggi di peringkat global iaitu pada 6.0 kelahiran adalah Somalia dan Chad, manakala Macao SAR, China adalah salah satu negara yang mempunyai kadar kesuburan terendah sebanyak 0.6 kelahiran bagi tahun 2024 (*World Bank*).

Kematian

Jumlah kematian bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025 adalah sebanyak 2,001 kematian berbanding 1,974 kematian pada tahun 2024, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus. Jumlah kematian ini terdiri daripada 1,105 lelaki (55.2 peratus) dan 896 kematian perempuan (44.8 peratus).

Kadar kematian kasar menunjukkan peningkatan daripada 4.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2024 kepada 4.4 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2025.

Punca Kematian

Penyakit yang tidak berjangkit kekal menjadi punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam di mana tiga penyakit tersebut adalah kanser (399 kematian atau 87.0 kematian bagi setiap 100,000 penduduk), penyakit jantung (312 kematian atau 68.0 kematian bagi setiap 100,000 penduduk) dan penyakit serebrovaskular (172 kematian atau 37.5 kematian bagi setiap 100,000 penduduk).

Kematian Anak Damit

Daripada jumlah keseluruhan kematian pada tahun 2025, sebanyak 44 kematian atau 2.2 peratus merupakan kematian anak damit yang berumur di bawah 1 tahun (*infant deaths*).

Kadar mortaliti anak damit mencatatkan penurunan daripada 11.4 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2024 kepada 8.2 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2025.

Jangka Hayat

Jangka hayat ketika lahir pada tahun 2025 adalah 80.4 tahun. Jangka hayat perempuan ketika lahir adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki, iaitu masing-masing 81.9 tahun dan 79.0 tahun.

Perkahwinan

Jumlah perkahwinan pada tahun 2025 adalah sebanyak 3,070 berbanding 2,733 perkahwinan pada tahun 2024, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 12.3 peratus. Ini merangkumi semua jenis perkahwinan seperti Islam, Sivil dan Adat dan lain-lain.

Kadar kasar perkahwinan meningkat daripada 6.0 perkahwinan pada tahun 2024 kepada 6.7 perkahwinan pada tahun 2025 bagi setiap 1,000 penduduk.

Umur Penengah Mula-Mula Berkahwin

Umur penengah (*median*) mula-mula berkahwin bagi lelaki biasanya lebih tinggi daripada perempuan. Pada tahun 2025, umur penengah mula-mula berkahwin bagi lelaki ialah 27.6 tahun, satu tahun lewat daripada perempuan 26.6 tahun.

Perceraian

Jumlah perceraian pada tahun 2025 adalah sebanyak 505 berbanding 672 perceraian pada tahun 2024, iaitu menunjukkan penurunan sebanyak 24.9 peratus. Umur penengah perceraian bagi lelaki adalah 39.2 tahun pada tahun 2025 berbanding dengan perempuan 36.4 tahun.

SUMMARY

Live Births

The total live births in Brunei Darussalam for 2025 was 5,391 births compared to 5,359 births in 2024, which showed an increase of 0.6 per cent. The total live births comprised of 2,783 male live births (51.6 per cent) and 2,608 female live births (48.4 per cent). There were 106.7 males per 100 females in 2025 compared to a birth ratio of 106.0 in 2024.

The crude birth rate remained unchanged at 11.8 live births per 1,000 population in 2025, the same as the rate recorded in 2024.

Out of the overall total live births, about 33.4 per cent or 1,798 births were to mothers aged 30-34 years. This was followed by mothers aged 25-29 years (27.0 per cent or 1,457 births) and 35-39 years (19.8 per cent or 1,066 births).

Fertility Rate

The fertility rate was recorded at 1.5 births per woman aged 15-49 years in 2025, the same as that recorded in 2024. This fertility rate is below the global replacement level which is 2.1 births. Replacement level is a theoretical line in which population of one generation is able to replace themselves to create another generation.

The fertility rate for locals (Brunei Citizens and Permanent Residents) was lower than the global replacement level which was 1.6 births. Meanwhile, the fertility rate for Temporary Residents was 0.6 births.

The fertility rate in Brunei Darussalam is similar with those of developed countries such as United Kingdom and New Zealand. Among the countries with the highest fertility rates globally at 6.0 births are Somalia and Chad, while Macao SAR, China is one of the countries that has the lowest fertility rate at 0.6 births in 2024 (World Bank).

Deaths

The total deaths in Brunei Darussalam for 2025 was 2,001 deaths compared to 1,974 deaths in 2024, which showed an increase of 1.4 per cent. The total deaths comprised of 1,105 male deaths (55.2 per cent) and 896 female deaths (44.8 per cent).

The crude death rate showed an increase from 4.3 deaths per 1,000 population in 2024 to 4.4 deaths per 1,000 population in 2025.

Causes of Death

Non-communicable diseases remained as the major causes of death in Brunei Darussalam, where the top three were cancer (399 deaths or 87.0 deaths per 100,000 population), heart diseases (312 deaths or 68.0 deaths per 100,000 population) and cerebrovascular diseases (172 deaths or 37.5 deaths per 100,000 population).

Infant Mortality

Out of the overall total deaths in 2025, 44 deaths or 2.2 per cent were infant deaths, defined as deaths occurring among children aged below one year.

The infant mortality rate decreased from 11.4 deaths per 1,000 live births in 2024 to 8.2 deaths per 1,000 live births in 2025.

Life Expectancy

The life expectancy at birth in 2025 was 80.4 years. Female life expectancy at birth was higher than that of males, at 81.9 years and 79.0 years, respectively.

Marriages

The total number of marriages in 2025 was 3,070 compared to 2,733 marriages in 2024, which showed an increase of 12.3 per cent. This consists of all types of marriages such as Islam, Civil and Customary and others.

The crude marriage rate increases from 6.0 marriages in 2024 to 6.7 marriages in 2025 per 1,000 population.

Median Age at First Marriage

The median age at first marriage has always been higher for males than for females. In 2025, the median age at first marriage for males were 27.6 years, one year later than that for females at 26.6 years.

Divorces

The total number of divorces in 2025 was 505 divorces compared to 672 divorces in 2024, which showed a decrease of 24.9 per cent. The median age of divorce for males was 39.2 years in 2025 compared to females of 36.4 years.

The background is a solid purple color with several overlapping, semi-transparent geometric shapes in lighter shades of purple. These shapes include large triangles and quadrilaterals that create a layered, architectural effect. The lines of these shapes are thin and white or very light purple, contrasting subtly with the background.

JADUAL-JADUAL RUMUSAN *SUMMARY TABLES*

PERANGKAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

A

Kelahiran Hidup mengikut Keterangan dan Tahun
Live Births by Description and Year

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
JUMLAH	6,498	6,751	6,254	6,290	5,359	5,391	TOTAL
Lelaki	3,391	3,493	3,263	3,273	2,757	2,783	Male
Perempuan	3,107	3,258	2,991	3,017	2,602	2,608	Female
DAERAH							DISTRICT
Brunei Muara	5,562	5,828	5,451	5,374	4,582	4,737	Brunei Muara
Belait	901	871	797	869	753	639	Belait
Tutong	33	42	6	37	20	15	Tutong
Temburong	2	10	0	10	4	0	Temburong
BANGSA BAPA							RACE OF FATHER
Melayu	4,942	5,280	4,941	4,844	4,303	4,435	Malay
Cina	359	373	340	352	274	195	Chinese
Puak Asli Lain	280	243	266	258	241	202	Other Indigenous
Lain-lain Bangsa	917	855	707	836	541	559	Other Races
TARAF PENDUDUK							RESIDENTIAL STATUS
Rakyat Brunei	5,435	5,716	5,404	5,281	4,826	4,925	Brunei Citizen
Penduduk Tetap	245	233	193	259	110	147	Permanent Resident
Penduduk Sementara dan Lain-lain	818	802	657	750	423	319	Temporary Resident and Others
BULAN							MONTH
Januari - Mac	1,557	1,759	1,762	1,651	1,376	1,368	January - March
April - Jun	1,661	1,686	1,529	1,500	1,390	1,331	April - June
Julai - September	1,638	856	1,426	1,526	1,349	1,318	July - September
Oktober - Disember	1,642	2,450	1,537	1,613	1,244	1,374	October - December
UMUR IBU							AGE OF MOTHER
Di bawah 15	5	7	4	4	3	3	Below 15
15-19	131	147	140	153	135	79	15-19
20-24	886	849	812	822	712	560	20-24
25-29	1,899	1,994	1,898	1,904	1,646	1,457	25-29
30-34	2,072	2,193	1,972	1,993	1,691	1,798	30-34
35-39	1,144	1,181	1,056	1,085	907	1,066	35-39
40-44	317	320	308	292	238	349	40-44
45-49	15	20	15	17	14	20	45-49
50 dan ke atas	18	16	20	9	6	4	50 and above
Tidak dinyatakan	11	24	29	11	7	55	Not stated

PERANGKAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

A

Kelahiran Hidup mengikut Keterangan dan Tahun (sambungan)
Live Births by Description and Year (continued)

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
BERAT KELAHIRAN (KG)							BIRTH WEIGHT (KG)
Di bawah 1.0	38	34	38	35	30	30	Below 1.0
1.0<1.5	44	52	35	43	36	37	1.0<1.5
1.5<2.0	97	107	89	107	91	92	1.5<2.0
2.0<2.5	510	544	402	489	417	419	2.0<2.5
2.5<3.0	1,930	2,111	1,703	1,923	1,638	1,648	2.5<3.0
3.0<3.5	2,353	2,537	1,927	2,350	2,002	2,014	3.0<3.5
3.5<4.0	853	898	1,407	957	816	820	3.5<4.0
4.0<4.5	111	123	81	110	94	94	4.0<4.5
4.5<5.0	18	15	97	25	21	22	4.5<5.0
5.0 dan ke atas	517	292	413	217	185	186	5.0 and above
Tidak dinyatakan	27	38	62	34	29	29	Not stated
UMUR KANDUNGAN (MINGGU)							GESTATIONAL AGE (WEEK)
Di bawah 28	42	42	51	39	34	34	Below 28
28-31	62	65	58	59	50	51	28-31
32-35	292	262	241	261	222	224	32-35
36-39	4,823	4,973	4,564	4,607	3,925	3,948	36-39
40 dan ke atas	1,267	1,386	1,312	1,301	1,108	1,115	40 and above
Tidak dinyatakan	12	23	28	23	20	19	Not stated
KADAR KELAHIRAN KASAR							CRUDE BIRTH RATE
Rakyat Brunei & Penduduk Tetap	15.9	16.5	15.4	15.0	13.2	13.4	Brunei Citizen & Permanent Resident
Rakyat Brunei	16.4	17.1	16.0	15.4	13.9	14.0	Brunei Citizen
Penduduk Tetap	9.5	9.0	7.5	10.0	4.2	5.5	Permanent Resident
Penduduk Sementara	9.7	9.9	8.1	9.1	5.1	4.0	Temporary Resident
NISBAH KELAHIRAN							BIRTH RATIO
Rakyat Brunei & Penduduk Tetap	109.1	107.1	109.1	108.1	105.2	106.8	Brunei Citizen & Permanent Resident
Rakyat Brunei	109.1	106.3	108.9	108.2	105.4	107.2	Brunei Citizen
Penduduk Tetap	109.1	130.7	114.4	105.8	93.0	93.4	Permanent Resident
Penduduk Sementara	109.1	107.8	109.2	111.2	115.8	105.8	Temporary Resident
KADAR KESUBURAN							FERTILITY RATE
Rakyat Brunei & Penduduk Tetap	1.8	1.9	1.8	1.8	1.5	1.5	Brunei Citizen & Permanent Resident
Rakyat Brunei	1.9	2.0	1.9	1.8	1.8	1.7	Brunei Citizen
Penduduk Tetap	1.8	1.4	1.3	1.8	0.8	1.0	Permanent Resident
Penduduk Sementara	1.5	1.5	1.2	1.5	0.7	0.6	Temporary Resident
KADAR PERTAMBAHAN SEMULA JADI							NATURAL INCREASE RATE
Rakyat Brunei & Penduduk Tetap	11.7	12.1	9.8	10.5	9.3	8.8	Brunei Citizen & Permanent Resident
Rakyat Brunei	12.2	12.7	10.4	10.9	(0.7)	9.4	Brunei Citizen
Penduduk Tetap	5.2	4.3	0.8	5.0	8.6	0.6	Permanent Resident
Penduduk Sementara	6.8	6.7	4.6	4.6	0.5	-0.6	Temporary Resident

PERANGKAAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

B

Kematian mengikut Keterangan dan Tahun
Deaths by Description and Year

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
JUMLAH	1,752	1,865	2,322	2,003	1,974	2,001	TOTAL
Lelaki	982	1,025	1,319	1,067	1,129	1,105	Male
Perempuan	770	840	1,003	936	845	896	Female
TARAF KEBANGSAAN							NATIONALITY
Warganegara Brunei Darussalam	1,395	1,489	1,870	1,633	1,613	1,604	Citizen of Brunei Darussalam
Tidak mempunyai Taraf kewarganegaraan	112	122	173	132	128	132	Stateless
Lain-lain Warganegara	245	254	279	238	233	265	Other Nationals
DAERAH							DISTRICT
Brunei Muara	1,329	1,398	1,726	1,500	1,505	1,455	Brunei Muara
Belait	283	266	379	308	327	333	Belait
Tutong	108	170	181	160	98	171	Tutong
Temburong	32	31	36	35	44	42	Temburong
BANGSA							RACE
Melayu	1,305	1,406	1,767	1,560	1,592	1,494	Malay
Cina	222	241	314	273	243	260	Chinese
Puak Asli Lain	8	95	69	59	19	105	Other Indigenous
Lain-lain Bangsa	217	123	172	111	120	142	Other Races
Kematian Anak Damit	54	40	65	46	61	44	Infant Death
Kematian di bawah 5 tahun	60	48	71	57	75	47	Deaths below 5 years old
BULAN							MONTH
Januari - Mac	485	428	608	509	498	520	January - March
April - Jun	456	452	596	499	519	481	April - June
Julai - September	410	268	584	490	499	455	July - September
Oktober - Disember	401	717	534	505	458	545	October - December
SEBAB KEMATIAN							CAUSES OF DEATH
Kanser	352	344	419	372	405	399	Cancer
Penyakit Jantung (Termasuk Demam Reumatik Akut)	239	239	384	304	301	312	Heart Diseases (Including Acute Rheumatic Fever)
Penyakit Serebrovaskular	146	174	184	163	169	172	Cerebrovascular Diseases
Kencing Manis Mellitus	177	227	230	154	165	141	Diabetes Mellitus
Penyakit Darah Tinggi	66	76	87	65	78	61	Hypertensive Diseases
Septisemia	59	103	80	86	76	81	Septicaemia
Influenza dan Demam Paru-Paru	39	31	45	56	55	56	Influenza and Pneumonia
Bronkitis, Kronik dan yang tidak jelas, Emfesema dan Asma	42	43	48	32	28	35	Bronchitis, Chronic and unspecified, Emphysema and Asthma
Lain-lain Penyakit	632	628	845	771	697	744	Other Diseases

PERANGKAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

B

Kematian mengikut Keterangan dan Tahun (sambungan)
Deaths by Description and Year (continued)

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
KUMPULAN UMUR							AGE GROUP
Di bawah 1	54	40	65	46	61	44	Below 1
1-4	6	8	6	11	14	3	1-4
5-9	4	6	6	11	6	4	5-9
10-14	4	5	10	4	3	6	10-14
15-19	10	13	14	14	12	6	15-19
20-24	24	14	30	18	14	14	20-24
25-29	25	31	27	23	24	16	25-29
30-34	51	33	26	39	37	31	30-34
35-39	64	59	73	55	55	53	35-39
40-44	70	69	71	73	81	78	40-44
45-49	107	126	118	99	105	113	45-49
50-54	153	144	154	137	156	146	50-54
55-59	146	146	191	136	149	180	55-59
60-64	173	194	248	189	207	182	60-64
65-69	163	191	261	190	206	243	65-69
70-74	159	198	269	218	235	224	70-74
75-79	208	169	223	210	193	220	75-79
80-84	176	180	247	244	196	202	80-84
85-89	98	141	170	165	131	146	85-89
90-94	46	77	89	87	64	64	90-94
95-99	8	17	18	26	20	23	95-99
100 dan ke atas	3	4	6	8	5	3	100 and above
KADAR KEMATIAN KASAR	4.0	4.2	5.2	4.4	4.3	4.4	CRUDE DEATH RATE
Warganegara Brunei Darussalam & Tidak mempunyai Taraf	4.2	4.5	5.6	4.8	4.7	4.6	Citizen of Brunei Darussalam & Stateless
Warganegara Brunei Darussalam	4.2	4.5	5.5	4.8	4.7	4.6	Citizen of Brunei Darussalam
Tidak mempunyai Taraf Kewarganegaraan	4.4	4.7	6.7	5.1	4.9	5.0	Stateless
Lain-lain Warganegara	2.9	3.1	3.4	4.6	4.6	4.6	Other Nationals
Kadar Mortaliti Anak Damit	8.3	5.9	10.4	7.3	11.4	8.2	Infant Mortality Rate
Kadar Mortaliti Di Bawah 5 Tahun	9.2	7.1	11.4	9.1	14.0	8.8	Under 5 Mortality Rate
JANGKA HAYAT KETIKA LAHIR (TAHUN)	77.9	77.6	75.4	77.8	79.1	80.4	LIFE EXPECTANCY AT BIRTH (YEAR)
Lelaki	77.1	76.3	73.4	76.7	77.3	79.0	Male
Perempuan	78.7	78.9	77.3	79.0	81.0	81.9	Female

PERANGKAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

C

Perkahwinan mengikut Keterangan dan Tahun

Marriages by Description and Year

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
JUMLAH	3,664	2,783	2,824	2,518	2,733	3,070	TOTAL
DAERAH							DISTRICT
Brunei Muara	2,566	1,985	1,995	1,743	2,060	2,432	Brunei Muara
Belait	477	354	395	315	281	239	Belait
Tutong	442	321	277	285	232	228	Tutong
Temburong	116	107	88	52	48	49	Temburong
Di Luar Brunei	63	16	69	123	112	122	Outside Brunei
JENIS							TYPE
Islam	3,464	2,679	2,608	2,322	2,576	2,897	Muslim
Sivil	129	69	156	118	91	121	Civil
Lain-lain	71	35	60	78	66	52	Others
Umur Penengah Semasa Kahwin	27.0	27.0	27.3	28.1	28.1	28.0	Median Age at Marriage
LELAKI / GROOM							
TARAF PERKAHWINAN YANG LALU							PREVIOUS MARITAL STATUS
Bujang	3,232	2,420	2,456	2,083	2,257	2,584	Single
Duda	71	39	64	52	81	79	Widowed
Bercerai	331	305	274	355	369	366	Divorced
Poligami	16	14	25	22	23	13	Polygamy
Tidak Dinyatakan	14	5	5	6	3	28	Not Stated
KUMPULAN UMUR							AGE GROUP
Di bawah 15	0	0	1	0	0	0	Below 15
15-19	74	48	59	51	43	43	15-19
20-49	3,472	2,662	2,653	2,334	2,546	2,893	20-49
50 dan ke atas	117	73	111	132	142	133	50 and above
Tidak Dinyatakan	1	0	0	1	2	1	Not Stated
Umur Penengah Semasa Kahwin	27.7	27.6	27.9	28.7	28.7	28.5	Median Age At Marriage
Umur Penengah Mula-Mula Berkahwin	27.1	26.9	27.1	27.6	27.6	27.6	Median Age At First Marriage
PEREMPUAN / BRIDE							
TARAF PERKAHWINAN YANG LALU							PREVIOUS MARITAL STATUS
Bujang	3,185	2,395	2,415	2,065	2,249	2,570	Single
Balu	46	38	47	48	66	55	Widowed
Bercerai	409	330	355	393	397	417	Divorced
Tidak Dinyatakan	24	20	7	12	21	28	Not Stated
KUMPULAN UMUR							AGE GROUP
Di bawah 15	4	4	2	0	5	4	Below 15
15-19	220	187	151	118	109	123	15-19
20-49	3,380	2,551	2,612	2,325	2,518	2,848	20-49
50 dan ke atas	60	41	58	75	101	93	50 and above
Tidak Dinyatakan	0	0	1	0	0	2	Not Stated
Umur Penengah Semasa Kahwin	26.3	26.3	26.8	27.5	27.6	27.5	Median Age At Marriage
Umur Penengah Mula-Mula Berkahwin	25.6	25.6	26.0	26.5	26.6	26.6	Median Age At First Marriage

PERANGKAAN VITAL 2025

VITAL STATISTICS 2025

D

Perceraian mengikut Keterangan dan Tahun

Divorces by Description and Year

KETERANGAN	Tahun Year						DESCRIPTION
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
JUMLAH	617	433	588	735	672	505	TOTAL
DAERAH							DISTRICT
Brunei Muara	414	312	401	499	489	348	Brunei Muara
Belait	105	57	103	108	87	79	Belait
Tutong	90	56	66	105	75	62	Tutong
Temburong	7	7	16	21	19	12	Temburong
Di Luar Brunei	1	1	2	2	2	4	Outside Brunei
JENIS							TYPE
Islam	583	397	577	717	649	484	Muslim
Sivil	34	36	11	18	23	21	Civil
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	Others
TEMPOH PERKAHWINAN							DURATION OF MARRIAGES
Di bawah 1 tahun	1	0	0	0	0	5	Below 1 year
1-4	127	96	141	188	158	84	1-4
5-9	205	144	182	191	205	124	5-9
10-19	208	130	182	248	227	178	10-19
20 dan ke atas	76	63	83	108	82	83	20 and above
Tidak Dinyatakan	0	0	0	0	0	31	Not Stated
Bilangan Anak Agregat	1,128	736	1,037	1,356	1,178	905	Aggregate Number of Children
	LELAKI / GROOM						
KUMPULAN UMUR							AGE GROUP
Di bawah 15	1	0	0	0	0	0	Below 15
15-19	4	2	2	1	0	2	15-19
20-49	511	363	507	620	571	410	20-49
50 dan ke atas	82	65	77	109	84	88	50 and above
Tidak Dinyatakan	19	3	2	5	17	5	Not Stated
Umur Penengah Perceraian	37.2	38.0	37.3	38.3	37.8	39.2	Median Age of Divorce
	PEREMPUAN / BRIDE						
KUMPULAN UMUR							AGE GROUP
Di bawah 15	0	0	0	0	0	0	Below 15
15-19	7	3	5	5	2	5	15-19
20-49	548	387	531	653	581	429	20-49
50 dan ke atas	41	39	49	73	74	66	50 and above
Tidak Dinyatakan	21	4	3	4	15	5	Not Stated
Umur Penengah Perceraian	34.2	36.0	35.2	36.4	35.7	36.4	Median Age of Divorce

NOTA TEKNIKAL

Kelahiran dan Kematian

Perangkaan kelahiran dan kematian adalah diperolehi daripada rekod pendaftaran kelahiran dan kematian yang diterima daripada Bahagian Pendaftaran Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maklumat kelahiran dan kematian ini dikumpulkan berdasarkan pendaftaran bagi tempoh satu tahun (Januari - Disember) pada tahun berkenaan dan dikeluarkan secara tahunan di dalam penerbitan Laporan Perangkaan Vital oleh Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).

Setiap kelahiran dan kematian yang berlaku di Negara Brunei Darussalam hendaklah didaftarkan mengikut **Akta dan Peraturan Pendaftaran Beranak dan Mati (Penggai 79), 1923**, di Bahagian Pendaftaran Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di bawah akta ini menyatakan bahawa setiap kelahiran anak damit hendaklah didaftarkan dalam tempoh empat belas (14) hari setelah anak damit dilahirkan. Pendaftaran kelahiran anak damit selepas 14 hari adalah dikategorikan sebagai pendaftaran tertangguh. Manakala, pendaftaran kelahiran selepas empat puluh dua (42) hari dikategorikan pendaftaran lewat dan dicop "*Post Registration*" pada sijil kelahiran.

Di bawah akta yang sama, kematian hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua belas (12) jam selepas kematian (tidak termasuk masa perjalanan dan waktu malam). Pendaftaran kematian selepas dua belas (12) jam adalah dikategorikan sebagai pendaftaran tertangguh. Manakala, pendaftaran kematian selepas tiga (3) hari dikategorikan sebagai pendaftaran lewat dan dicop "*Post Registration*" pada sijil kematian.

Pengiraan penunjuk vital seperti kadar kelahiran kasar, nisbah kelahiran, kadar kesuburan, kadar pertambahan semula jadi, kadar kematian kasar, kadar mortaliti anak damit, kadar mortaliti di bawah 5 tahun dan jangka hayat ketika lahir adalah disediakan oleh Jabatan Perangkaan, JPES. Kadar kelahiran dan kematian kasar adalah bilangan jumlah kelahiran dan kematian bagi setiap seribu penduduk pertengahan tahun. Maklumat mengenai sepuluh penyebab utama kematian adalah diperolehi daripada Kementerian Kesihatan.

Perkahwinan dan Perceraian

Maklumat berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian Islam adalah diperolehi daripada rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian yang dikendalikan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Maklumat berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian Sivil adalah diperolehi daripada rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian yang dikendalikan oleh Mahkamah Besar, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Manakala, maklumat yang berkaitan perkahwinan dan perceraian Adat dan lain-lain adalah diperolehi daripada rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian yang diterima daripada Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Setiap perkahwinan dan perceraian Islam yang berlaku di Negara Brunei Darussalam hendaklah didaftarkan mengikut **Akta Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Penggag 217)**. Manakala, setiap perkahwinan dan perceraian Sivil, Adat dan lain-lain yang berlaku di Negara Brunei Darussalam hendaklah didaftarkan mengikut **Akta Pendaftaran Perkahwinan (Penggag 124)**.

Maklumat perkahwinan dan perceraian ini dikumpulkan berdasarkan pendaftaran bagi tempoh satu tahun (Januari - Disember) pada tahun berkenaan dan dikeluarkan secara tahunan di dalam penerbitan Laporan Perangkaan Vital oleh Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES). Pengiraan umur penengah semasa kahwin adalah disediakan oleh Jabatan Perangkaan, JPES.

TECHNICAL NOTES

Live births and Deaths

Statistics on live births and deaths were obtained from the administrative records on births and deaths received from the Department of Immigration and National Registration, Registration of Births, Deaths and Adoption Division, Ministry of Home Affairs.

Data of live births and deaths were compiled based on the administrative registration for one-year period (January – December) for that particular year and published on a yearly basis in the Vital Statistics Report publication by the Department of Statistics, Department of Economic Planning and Statistics (JPES).

*Every live births and deaths occurring in Brunei Darussalam must be registered under the **Births and Deaths Registration Act (Chapter 79), 1923**, at the Registration of Births, Deaths and Adoption Section, Department of Immigration and National Registration.*

Under this act, it specifies that every newborn must be registered within fourteen (14) days after the birth. Births registered after fourteen (14) days are classified as delayed registration. A birth registration after forty-two (42) days will be classified as “Post Registration” on the birth certificate.

Under the same act, a death must be registered within twelve (12) hours from the reported death (not including travel and night time). Deaths registered after twelve (12) hours are classified as delayed registration. Meanwhile, a registered death after three (3) days will be recorded as “Post Registration” on the death certificate.

Measures on vital indicators such as crude birth rate, birth ratio, fertility rate, natural increase rate, crude death rate, infant mortality rate, under 5 mortality rate and life expectancy are compiled by the Statistics Department, JPES. Crude birth and death rates are defined as the number of births and deaths respectively per thousand mid-year population. Information on ten leading causes of deaths was obtained from the Ministry of Health.

Marriages and Divorces

Pertinent information on Muslim marriages and divorces are compiled from the administrative records of marriages and divorces maintained by the Syariah Courts, State Judiciary Department, Prime Minister's Office.

Pertinent information on Civil marriages and divorces are compiled from the administrative records of marriages and divorces maintained by the Supreme Court, State Judiciary Department, Prime Minister's Office.

Meanwhile, pertinent information on Customary and other marriages and divorces are compiled from the administrative records of marriages and divorces received by the Attorney General's Chambers, Prime Minister's Office.

*Every Muslim marriages and divorces occurring in Brunei Darussalam must be registered under the **Islamic Family Law, (Chapter 217)**. Meanwhile, every Civil, Customary and other marriages and divorces must be registered under **Registration of Marriages Act (Chapter 124)**.*

Data of marriages and divorces were compiled based on the administrative registration for one-year period (January – December) for that particular year and published on a yearly basis in the Vital Statistics Report publication by the Department of Statistics, Department of Economic Planning and Statistics (JPES). Measures on median age at marriage are compiled by the Statistics Department, JPES.

KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi yang digunakan bagi perangkaan vital ini adalah seperti berikut:

Daerah:

Negara Brunei Darussalam dibahagikan kepada empat daerah iaitu Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Taraf Penduduk:

Taraf Penduduk ialah taraf orang berkenaan yang berhubungkait dengan undang-undang imigresen negara ini.

Kategori taraf penduduk ialah:

- i) Rakyat Brunei, iaitu pemegang kad pengenalan kuning;
- ii) Penduduk tetap, iaitu pemegang kad pengenalan ungu; dan
- iii) Penduduk sementara, iaitu pemegang kad pengenalan hijau.

Taraf Kebangsaan:

Taraf kebangsaan bagi Warganegara Brunei Darussalam adalah merujuk kepada seseorang yang dianugerahkan taraf kebangsaan Brunei secara Mutlak Undang-Undang, Pendaftaran atau Penuangan. Manakala, tidak mempunyai Taraf Kewarganegaraan adalah seseorang yang tidak memiliki sebarang kewarganegaraan.

Bangsa:

Melayu merujuk kepada Melayu Brunei, terdiri daripada penduduk yang terkandung di dalam puak asli bangsa Melayu iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut.

Cina merujuk kepada penduduk dalam kumpulan etnik Cina, sementara Lain-lain bangsa meliputi penduduk yang tidak termasuk di dalam kumpulan bangsa Melayu dan Cina.

Puak Asli Lain terdiri dari lain-lain puak asli yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam seperti Penan, Dayak, Kelabit dan sebagainya.

India terdiri dari bangsa India termasuk Bangladesh, Sri Lanka, Maldives dan sebagainya.

Jenis Perkahwinan dan Perceraian:

Perkahwinan dan Perceraian Islam adalah bagi penganut islam.

Perkahwinan dan Perceraian Sivil adalah bagi penganut lain-lain ugama, kecuali Islam.

Perkahwinan dan Perceraian Adat dan Lain-lain adalah perkahwinan kaum Cina dan Puak Asli Lain termasuk pendaftaran semula perkahwinan yang telah dilangsungkan di luar Brunei.

Umur Penengah:

Umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

Umur Penengah dikira seperti berikut:

$$L_1 + \left[\frac{\left(\frac{N}{2} - F \right)}{f_{median}} \right]$$

di mana

L_1	ialah sempadan kelas rendah dari kelas penengah
$\frac{N}{2}$	ialah setengah dari jumlah perkahwinan
F	ialah jumlah semua frekuensi di bawah paras kelas menengah
f_{median}	ialah frekuensi kelas penengah

Nisbah Kelahiran:

Nisbah kelahiran lelaki bagi setiap 100 kelahiran perempuan.

$$\left[\frac{b_l}{b_p} \right] \times 100$$

di mana

b_l	ialah kelahiran hidup lelaki
b_p	ialah kelahiran hidup perempuan

Kadar Kelahiran Kasar:

Bilangan kelahiran hidup dalam setahun kepada jumlah penduduk pertengahan tahun di dalam tahun yang sama, bagi setiap 1,000 orang penduduk.

$$\frac{\text{Bilangan kelahiran dalam setahun}}{\text{Penduduk pertengahan tahun}} \times 1,000$$

Kadar Kematian Kasar:

Bilangan kematian dalam setahun kepada jumlah penduduk pertengahan tahun di dalam tahun yang sama, bagi setiap 1,000 orang penduduk.

$$\frac{\text{Bilangan kematian dalam setahun}}{\text{Penduduk pertengahan tahun}} \times 1,000$$

Kadar Pertambahan Semulajadi:

Merujuk kepada perbezaan kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar (CBR - CDR).

Kadar Kesuburan:

Bilangan purata anak yang dilahirkan sekiranya seorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktif dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar umur tertentu bagi tahun tertentu. Kadar ini diperolehi dengan menjumlahkan kadar kesuburan untuk umur tertentu.

Kadar kesuburan dikira seperti berikut:

$$\left[\sum_{n=15}^{n=49} \frac{b_n}{P_n} \right] \times c$$

di mana

- n ialah umur ibu (15-19), (20-24), , (45-49)
- b_n ialah kelahiran hidup mengikut umur ibu
- P_n ialah penduduk perempuan dalam lingkungan subur berumur 15-49
- c ialah size kelas interval

Kadar Mortaliti Anak Damit:

Kadar kematian anak damit di bawah umur satu (1) tahun dalam sesuatu tahun kepada jumlah bilangan kelahiran hidup dalam tahun itu (bagi setiap 1,000 kelahiran hidup).

$$\frac{\text{Bilangan kematian umur di bawah satu (1) tahun}}{\text{Bilangan kelahiran hidup}} \times 1,000$$

Kadar Mortaliti Di bawah Lima (5) Tahun:

Kadar kematian anak damit di bawah umur lima (5) tahun dalam sesuatu tahun kepada jumlah bilangan kelahiran hidup dalam tahun itu (bagi setiap 1,000 kelahiran hidup).

$$\frac{\text{Bilangan kematian umur di bawah lima (5) tahun}}{\text{Bilangan kelahiran hidup}} \times 1,000$$

CONCEPTS AND DEFINITIONS

The concepts and definitions used in vital statistics are follows:

District:

Brunei Darussalam is divided into four districts namely Brunei Muara, Belait, Tutong and Temburong.

Residential Status:

Residential Status is the status of the person in relation to the immigration laws of the country.

The categories of residential status are:

- i) Brunei citizen, i.e. holder of yellow identity card;*
- ii) Permanent resident, i.e. holder of purple identity card; and*
- iii) Temporary resident, i.e. holder of green identity card.*

Nationality:

Nationality of Citizen of Brunei Darussalam refers to persons who granted Brunei Nationality status by “Mutlak Undang-Undang, Pendaftaran atau Penuangan”. Meanwhile, Stateless refers to persons without any specific nationalities.

Race:

Malays refer to Brunei Malays, comprising of persons belonging to one of the following ethnic groups of the Malay Race, namely Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya and Murut.

Chinese refers to all persons who belong to Chinese ethnic group, while Others consists of the rest of the population not included in the Malay and Chinese racial groups.

Other Indigenous consists of other ethnic groups such as Penan, Dayak, Kelabit and others.

Indian consists of Indian race from India including Bangladesh, Sri Lanka, Maldives etc.

Marriages and Divorces:

Muslim marriages and divorces are for Muslim religion.

Civil marriages and divorces are for other religion other than Islam.

Customary and Others marriages and divorces are Chinese marriages and Other Indigenous marriages including Re-registration of marriages from outside Brunei.

Median Age

The age that divides the distribution of the population into two, such that half the population is below this age and half is above it.

Median age is calculated as below:

$$L_1 + \left[\frac{\left(\frac{N}{2} - F \right)}{f_{median}} \right]$$

where

- L_1 is lower class boundary of median class
- $\frac{N}{2}$ is half of total marriages
- F is sum of all frequency lower than the median class
- f_{median} is frequency of median class

Birth Ratio:

Number of males birth per 100 females birth in the population.

$$\left[\frac{b_m}{b_f} \right] \times 100$$

where

- b_m is male birth
- b_f is female birth

Crude Birth Rate:

It is the ratio of the number of live birth during a year to the mid-year population in that year, per 1,000 population.

$$\frac{\text{Number of Live birth}}{\text{Mid - year population}} \times 1,000$$

Crude Death Rate:

It is the ratio of the number of death during a year to the mid-year population in that year, per 1,000 population.

$$\frac{\text{Number of Death}}{\text{Mid - year population}} \times 1,000$$

Rate of Natural Increase:

Refers to a difference in crude birth rate and crude death rate (**CBR - CDR**).

Total Fertility Rate:

A basic indicator of the level of fertility, calculated by summing age-specific birth rate over all reproductive ages, It may be interpreted as the expected number of children a women who survives to the end of the reproductive age span will have during her life time if she experiences the given age-specific rates.

Total fertility rate is calculated as below:

$$\left[\sum_{n=15}^{n=49} \frac{b_n}{P_n} \right] \times c$$

where

- n is age of mother (15-19), (20-24), , (45-49)
- b_n is live births by age of mother
- P_n is female population within reproductive age 15-49
- c is size of class interval

Infant Mortality Rate:

The ratio number of deaths of infants below one (1) year of age in a given year to the total number of live births in that year (per 1,000 live births).

$$\frac{\text{Death age below 1 year}}{\text{Total Live birth}} \times 1,000$$

Under 5 Mortality:

The ratio number of deaths of childhood below five (5) year of age in a given year to the total number of live births in that year (per 1,000 live births).

$$\frac{\text{Childhood death below 5 year}}{\text{Total live birth}} \times 1,000$$

The background is a solid purple color with several overlapping, semi-transparent geometric shapes in lighter shades of purple. These shapes include large triangles and curved lines that create a dynamic, abstract pattern. The text is centered in the middle of the image.

KELAHIRAN HIDUP
LIVE BIRTHS

Jadual <i>Table</i>	Tajuk <i>Title</i>	Muka Surat <i>Page</i>
